


Erat hubungan pertahanan dua hala, pelbagai hala



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid,
Ihsan Kementerian Pertahanan

Dari muka 1

Sebagai sebahagian daripada program TYT, beliau juga mengadakan pertemuan bersama Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah.

Di samping itu, TYT juga berpeluang untuk membuat Lawatan ke Muzium ABDB dan beberapa lagi tempat menarik, seperti Muzium Alat Kebesaran Diraja dan Pusat Kaji selidik Botaniikal, Universiti Brunei Darussalam.

VICE-Minister of Defense for International Affairs Jepun, Tuan Yang Terutama Yasunori Nishida membuat kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua.

Penandatanganan MoU UNISSA - MSU - TCTO



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan delegasi daripada Mindanao State University, Tawi-Tawi College of Technology and Oceanography (MSU - TCTO), Republik Filipina.

Kunjungan ini diteruskan dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) di antara UNISSA bersama MSU - TCTO yang berlangsung di Bilik Senate, UNISSA, Gadong.

Menandatangani bagi pihak UNISSA, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal,

Menandatangani bagi pihak UNISSA, Rektor UNISSA, manakala bagi pihak MSU - TCTO pula ditandatangani oleh Canselor Universiti berkenaan, Dr. Mary Joyce Z. Guinto-Sali, Ph.D.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

manakala bagi pihak MSU-TCTO pula ditandatangani oleh Canselor Universiti berkenaan, Dr. Mary Joyce Z. Guinto-Sali, Ph.D.

Sebelum upacara penandatanganan MOU, Rektor UNISSA, terlebih dulu mengalu-alukan kedatangan delegasi dan berharap bahawa dengan termeterainya penandatanganan MOU itu akan dapat menjalinkan lagi hubungan kerjasama yang boleh diterokai dalam bidang-bidang yang tertentu.

Setakat ini, UNISSA mempunyai hubungan kerjasama melalui MOU dengan tiga universiti Republik Filipina dan melaksanakan beberapa aktiviti peringkat antarabangsa.

Canselor MSU - TCTO dalam ucap balasnya pula amat berterima

kasih kepada UNISSA atas penerimaan sebagai rakan kongsi dalam bidang perkembangan ilmiah dan menjelaskan bahawa hubungan Negara Brunei Darussalam dengan Mindanao Tawi-Tawi telah lama wujud sejak zaman awal Kesultanan Brunei yang menyebarkan Dakwah Islam di Kepulauan Selatan Filipina dan untuk menyambung semula hubungan kerjasama ini, MSU - TCTO berhasrat untuk mengembangkan lagi konsep pengetahuan Agama Islam dalam program yang bersesuaian dengan bantuan dan sokongan UNISSA yang telah dikenal pasti mempunyai kemahiran tersebut.

Melalui Penandatanganan MOU ini, pihak MSU - TCTO merancang untuk menghantar beberapa orang pelajar untuk mengikuti kursus jangka panjang atau pendek dalam program kemahiran yang melibatkan bidang Syariah, Bahasa Arab dan Penyelidikan Halal.

Hadir menyaksikan penandatanganan MOU tersebut, Timbalan Rektor, Penolong Rektor UNISSA, beberapa Pegawai-pegawai Utama UNISSA dan seramai lima orang delegasi daripada MSU - TCTO.



ROMBONGAN Mindanao State University, Tawi-Tawi College of Technology and Oceanography (MSU - TCTO), Republik Filipina ketika sesi bergambar ramai bersama rombongan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).